

29/08/1997

Manipulasi mata wang ditentang

A Nazri Abdullah; Hafifi Hafidz

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau boleh menerima kegiatan spekulasi dalam pasaran modal dan tukaran mata wang asing tetapi menentang sebarang unsur manipulasi.

Menegaskan beliau tidak pernah menentang dasar pasaran terbuka dalam dua kegiatan itu, Perdana Menteri berkata, beliau juga mengalu-alukan pembabitan pelabur asing.

Katanya, tindakan menentang manipulasi bukan saja kerana tidak mahu ekonomi Malaysia runtuh malah ia boleh menjejaskan pendapatan per kapita serta kuasa beli rakyatnya.

Menyifatkan kegiatan manipulasi oleh pemodal Amerika Syarikat, Geonga Soros menyebabkan rakyat dan negara kini 10 peratus lebih miskin, Perdana Menteri berkata tindakan itu umpama seorang yang kaya merompak mereka yang daif.

"Bagi saya, Soros sudah merompak wang kita. Apakah kita perlu diam dan mendengar saja jika mereka katakan perkara itu adalah suatu yang biasa dalam pasaran terbuka.

"Jika kita bertindak pula, kita akan dikatakan antiBarat. Saya bukan begitu (antiBarat). Tetapi hakikatnya adakah wajar mereka lakukan ini kepada kita dan negara lain yang sudah berusaha keras membina ekonomi mereka sejak bertahun-tahun?

"Saya boleh terima kegiatan spekulasi tetapi bukannya manipulasi," tegasnya pada sidang akhbar di pejabatnya hari ini untuk mengumumkan beberapa langkah yang diambil kerajaan bagi menangani kejatuhan ringgit dan harga saham.

Dr Mahathir berkata, berikutan kejatuhan ringgit berbanding dolar Amerika, kerajaan mengambil beberapa langkah lain termasuk mengurangkan kemasukan import, sebaliknya membeli dari negara yang juga rendah tukaran asing mereka.

Beliau juga membidas manipulator terbabit kerana mengambil kesempatan daripada iklim pasaran Malaysia yang liberal untuk mengaut keuntungan sebagaimana yang sedang berlaku dalam tukaran asing dan industri sekuriti.

Menurutnya, tindakan manipulator beralih ke pasaran ekuiti kerana mereka kini tidak lagi berpeluang memanipulasikan urusan niaga pasaran tukaran asing berikutan bank pusat tidak campur tangan.

"Secara konservatifnya, manipulator itu akan mengaut keuntungan setiap kali bank pusat memasuki pasaran untuk membeli ringgit bagi mengelakkan kejatuhan berterusan.

"Disebabkan kita tidak lagi mempertahankan ringgit walaupun ia jatuh, manipulator yang disifatkan sebagai penyangak ini, kini tidak lagi dapat buat duit. Jadi mereka berpindah ke BSKL," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau bukan menentang sebarang kegiatan spekulasi sama ada dalam pasaran mata wang atau modal ekuiti tetapi apa yang berlaku sekarang yang membabitkan banyak negara di Asia seolah-olah wujud satu konspirasi.

"Memang sukar untuk menuduhkan itu satu pakatan. Tetapi jika keadaan itu berlaku dari sebuah negara ke sebuah negara di Asia, kita tentu boleh membuat jangkakan," katanya.

Dr Mahathir mengakui kegiatan spekulasi sukar dipersalahkan tetapi jika ia keterlaluan dan sampai ke peringkat manipulasi, ia wajar disabitkan kesalahan dari segi undang-undang.

"Kita di Malaysia mentakrifkan sebarang bentuk manipulasi adalah satu

jenayah dan kita akan lantang bersuara kepada masyarakat dunia mengapa perlunya manipulasi ini diisytiharkan sebagai kegiatan jenayah," katanya.

Ditanya mengapa beliau enggan bertemu Soros, Perdana Menteri berkata, ia tidak perlu kerana pemodal itu pasti akan mempertahankan tindakannya,

"Dia akan kata dia tak bersalah. Dia akan kata yang dilakukannya adalah untuk mendapat wang bagi membantu dan didermakan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

(END)